

**MENGUKUR HUBUNGAN MINAT KERJAYA DENGAN JANTINA DAN  
ALIRAN DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT DI TIGA  
BUAH SEKOLAH MENENGAH DAERAH JOHOR BAHRU.**

**SABARIAH BINTI HARON**

**Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan**

**( BIMBINGAN DAN KAUNSELING)**

**Fakulti Pendidikan**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**DISEMBER 2013**

## ABSTRAK

Penyelidikan deskriptif ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan minat kerjaya dengan faktor demografi dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah daerah Johor Bahru. Seramai 400 orang pelajar tingkatan 4 dari 3 buah sekolah menengah daerah Johor Bahru telah terlibat. Penyelidik telah menggunakan instrumen Ujian Minat Kerjaya Sidek bagi mendapatkan maklumat berkenaan minat kerjaya pelajar. Dapatan kajian rintis mendapati nilai kebolehpercayaan “alpha cronbach” adalah 0.915. Kesemua data telah dianalisis menggunakan SPSS versi 20.0 dengan analisis statistik deskriptif dan inferensi yang melibatkan Ujian t, ANOVA dan Chi-Square. Majoriti pelajar meminati kerjaya Investigatif diikuti minat kerjaya Enterprising. Minat kerjaya yang mempunyai frekuensi pelajar paling rendah adalah kerjaya Sosial. Analisis ANOVA berdasarkan aliran menunjukkan minat kerjaya Sosial dan Enterprising adalah tidak signifikan dengan faktor jantina manakala yang lain adalah signifikan. Ujian t dan Chi Square menunjukkan tidak terdapat perbezaan dan hubungan yang signifikan di antara minat kerjaya pelajar dengan jantina. Akhirnya beberapa cadangan telah dikemukakan untuk perhatian serta kajian pada masa hadapan.

## ABSTRACT

This descriptive research aims to identify the relationship between job interests with demography factors among form 4 students of secondary school in Johore Bahru. A total of 400 students form 4 from three secondary schools in Johore Bahru were involved. Researcher has used Sidek's Vocational Preference Inventory (VPI) to identify the job interest among the students. The finding of the pilot study indicated that the instrument's coefficient alpha is 0.915. The data from the survey were analysed using the Statistical Package of Social Sciences (SPSS) version 20.0, involving descriptive and inferential statistics of t test, ANOVA and Chi-Square. Findings of the study show that majority of the students were interested with investigative job, followed by Enterprising. Job interest that has the lowest frequency is Social. ANOVA analysis by courses show Social and Enterprising are not significant with gender but another job interest are significant. T-test and Chi-Square show that there are no differences and relationship between job interest and gender. Finally, the study proposed several suggestions for the attention and future research.

**SENARAI KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>DEKLARASI</b>	<b>ii</b>
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	<b>iii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iv</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI ISTILAH</b>	<b>xv</b>

# **1 PENGENALAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	4
1.3	Pernyataan Masalah.	7
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Hipotesis Kajian	10
1.7	Kerangka Konsep Kajian	11
1.8	Kepentingan kajian	12
1.8.1	Ibubapa	12
1.8.2	Pelajar	12
1.8.3	Pihak Sekolah	13
1.8.4	Pihak Kemeterian Pelajaran Malaysia	13
1.9	Limitasi kajian	14
1.10	Definisi Operasi	14
1.10.1	Minat	15
1.10.2	Kerjaya	16
1.10.3	Pelajar-pelajar	17
1.10.4	Sekolah Menengah	18
1.11	Kesimpulan	19

## **2 SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	20
2.2	Teori Berkaitan Dengan Kajian	21
2.2.1	Teori Inventori Minat kerjaya Sidek	21
2.2.1.1	Personaliti Realistik	23
2.2.1.2	Personaliti Investigatif	23
2.2.1.3	Personaliti Artistik	24
2.2.1.4	Personaliti Sosial	25
2.2.1.5	Personaliti Enterprising	26
2.2.1.6	Personaliti Konvensional	26
2.2.2	Mengintegrasikan Keputusan Psikologi	28
2.2.3	Teori Tret dan Faktor	30
2.2.4	Teori Perkembangan Kerjaya Super	32
2.2.5	Teori Perkembangan Kerjaya Roe	33
2.2.6	Teori Pemilihan Kerjaya Holland	33
2.3	Perspektif Al Quran dan Hadis Tentang Kerjaya	34
2.4	Kerjaya Menurut Pandangan Islam	36
2.5	Kajian-Kajian Lepas Yang berkaitan	37
2.5.1	Kajian Luar Negara	37
2.5.2	Kajian Dalam Negara	40
2.6	Penutup	42

<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	43
3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.3	Prosedur Kajian	45
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	45
3.5	Instrumen Kajian	50
3.6	Kajian Rintis	51
3.7	Analisis Kajian	52
3.8	Penutup	53
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	54
4.1	Pengenalan	54
4.2	Profil responden	55
4.3	Taburan minat kerjaya dalam kalangan pelajar	56
4.4	Taburan minat kerjaya dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina	80
4.5	Perbezaan minat kerjaya dengan aliran dalam kalangan pelajar	81
4.6	Perbezaan minat kerjaya dengan jantina dalam kalangan pelajar	85
4.7	Hubungan minat kerjaya dengan jantina dalam kalangan pelajar	86
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	88
5.1	Pengenalan	88
5.2	Perbincangan	89
5.2.1	Mengkaji taburan minat kerjaya dalam kalangan pelajar	89

5.2.2	Mengkaji taburan minat kerjaya dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina	92
5.2.3	Mengenalpasti hubungan minat kerjaya dengan jantina dalam kalangan pelajar	93
5.2.4	Perbezaan minat kerjaya dengan jantina dalam kalangan pelajar	94
5.2.5	Mengenalpasti perbezaan minat kerjaya dengan aliran dalam kalangan pelajar	95
5.3	Rumusan kajian	96
5.4	Implikasi kajian	99
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	99
5.6	Kesimpulan	101
	<b>RUJUKAN</b>	102
	<b>APPENDIX</b>	107



**SENARAI JADUAL**

<b>NO</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
2.1	Tahap keselarasan antara jenis personaliti dengan jenis persekitaran	27
2.2	Indeks perbezaan individu berasaskan skor ujian SDS	29
3.1	Jadual penentuan sampel berdasarkan Krejcie, R.V. dan Morgan	43
3.2	Kaedah Analisis berdasarkan objektif	52
4.1	Pecahan responden mengikut jantina	55
4.2	Pecahan responden mengikut aliran	55
4.3	Taburan minat kerjaya dalam kalangan pelajar	56
4.4	Taburan minat kerjaya Realistik pelajar berdasarkan nilai frekuensi dan Peratus	57
4.5	Taburan minat kerjaya Investigatif pelajar berdasarkan nilai frekuensi dan peratus	61
4.6	Taburan minat kerjaya Artistik pelajar berdasarkan nilai frekuensi dan peratus	65

4.7	Taburan minat kerjaya Sosial pelajar berdasarkan nilai frekuensi dan peratus	69
4.8	Taburan minat kerjaya Enterprising pelajar berdasarkan nilai frekuensi dan peratus	73
4.9	Taburan minat kerjaya pelajar Konvensional berdasarkan nilai frekuensi dan peratus	77
4.10	Taburan minat kerjaya dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina	80
4.11	Perbezaan minat kerjaya dengan aliran dalam kalangan pelajar	82
4.12	Perbezaan minat kerjaya dengan jantina dalam kalangan pelajar	85
4.13	: Hubungan minat kerjaya dengan jantina dalam kalangan pelajar	86

## **GAMBARAJAH**

## **MUKASURAT**

<b>NO</b>	<b>TAJUK</b>	
1.1	Kerangka Konsep Kajian	11

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
A	Borang soal selidik kajian	107
B	Analisis Data	109
C	Borang Pengesahan Pelajar	143
D	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	144

**SENARAI ISTILAH**

SPSS statistical Package For Social Science

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Mengikut Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan (1979), murid-murid sekolah dari semua kaum dan lapisan masyarakat mengikut kurikulum yang seragam melalui Sukatan Pelajaran yang sama kandungannya, kegiatan-kegiatan luar bilik darjah yang sama dan mengambil peperiksaan awam yang sama. Pengkajian semula Perlaksanaan sistem pelajaran ini adalah berasaskan kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961. Dasar Pelajaran ini adalah berasaskan Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 di mana kedua-dua penyata ini telah menitikberatkan perlunya mengadakan sistem persekolahan yang sama dan kurikulum sekolah yang sama kandungannya dan bercorak kebangsaan.



Sistem persekolahan di Negara ini juga ditentukan di bawah Seksyen 2 Akta Pelajaran Tahun 1961 (Hamzah, 1979) seperti Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan. Setelah berada selama enam tahun di sekolah rendah, maka murid-murid ke Tingkatan 1 ke sekolah-sekolah berasrama penuh atau sekolah-sekolah rancangan khas memerlukan pengutipan dan pengumpulan butir-butir peperiksaan UPSR. Manakala pemilihan ke Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional adalah permohonan mengikut pencapaian peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Begitu juga pemilihan dan penempatan murid-murid ke Tingkatan 4 atau 5 tidak menjadi masalah kerana pemilihan mereka adalah berdasarkan keputusan Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah.

Dari keterangan di atas, murid-murid memperoleh pengalaman yang seakan-akan sama kerana menerusi pelaksanaan kedua-dua penyata tersebut yang mana mereka telah didedahkan dengan sistem persekolahan yang serupa. Di samping itu juga pengaliran murid-murid tidaklah berdasarkan kepada minat dan kebolehan mereka yang sama iaitu pelajar yang baik keputusannya akan dialirkan ke aliran Sains dan yang kurang baik akan dialirkan ke aliran Sastera. Namun begitu, permohonan akan dilakukan bagi mereka yang berminat ke Sekolah Teknik dan Vokasional. Oleh itu keadaan seperti ini seterusnya boleh mempengaruhi pembentukan personaliti dan pemilihan kerjaya murid-murid. (dalam Amir Awang, 1983)

Pemilihan pekerjaan atau kerjaya merupakan satu aspek yang penting bagi individu-individu dalam peringkat remaja. Ini adalah kerana:

1. Pemilihan pekerjaan yang dibuat di peringkat ini akan sedikit sebanyak menentukan corak kerjaya yang dimasukinya apabila dewasa dan kerjaya ini pula akan menentukan peranan yang akan dimainkannya nanti dalam masyarakat.

2. Pemilihan kerjaya di peringkat remaja ini akan juga menentukan identitinya semasa dewasa dan identiti yang terhasil pada masa ini akan meninggalkan kesan yang kuat ke atas dirinya kelak.
3. Pemilihan kerjaya juga merupakan suatu penentu yang penting bagi taraf atau kedudukannya dalam masyarakat dan taraf ini pula mempunyai kesan ke atas nilai hidup, sikap dan gaya hidup seseorang itu.
4. Pekerjaan membolehkan kita memenuhi keperluan-keperluan untuk hidup dan merupakan suatu arena yang penting bagi pertumbuhan dan perkembangan hormat-kendiri serta pemuasan hidup.
5. Proses memilih sesuatu pekerjaan itu sukar kerana walaupun terdapat beribu-ribu jenis pekerjaan yang boleh dipilih tetapi kebanyakan orang muda mempunyai pengetahuan dan maklumat serta hubungan yang sangat terbatas berhubung dengan dunia pekerjaan (Amir Awang, 1983).

Kerjaya merupakan sesuatu yang amat penting dalam kehidupan manusia. Melalui pekerjaan manusia mendapat rezeki untuk menyara hidupnya, memberi nafkah kepada orang-orang yang berada di bawah tanggungannya serta berbakti kepada masyarakat. Justeru itu, kepentingan kerjaya sukar untuk dinafikan. Mengikut Kamus Dewan Bahasa Edisi Ketiga (2002) kerjaya adalah sebagai satu perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan yang dijadikan bidang profesion atau pekerjaan pilihan sebagai satu cara untuk mencari nafkah. Ada juga pendapat yang menyatakan bahawa kerjaya merupakan satu perbuatan yang dilakukan secara berterusan untuk menghasilkan pendapatan bagi menanggung keperluan hidup seharian. Zunker (1998) pula merujuk kerjaya ini sebagai aktiviti dan peranan yang dimainkan dalam profesion, pekerjaan dan kerja yang berkaitan dengan tugas sepanjang hidup.

Berkisar kepada aspek pemilihan pekerjaan atau kerjaya, ianya merupakan suatu masalah yang sering dikemukakan oleh individu remaja khususnya. Masalah-masalah yang berkaitan dengan pemilihan kerjaya ini selalunya berkait rapat dengan masalah tidak boleh membuat keputusan, ketiadaan kesempurnaan semasa membuat pilihan dan kekurangan pengetahuan atau maklumat tentang pekerjaan (Amir Awang

1983). Menurut Crow (1967), terdapat tiga faktor yang mesti diketahui oleh setiap individu sebelum menceburkan diri dalam pekerjaan yang diminatinya iaitu :

1. Keupayaan, minat dan sifat-sifat peribadi individu.
2. Bidang pekerjaan yang terdapat dan syarat-syaratnya.
3. Kebolehan-kebolehan yang dikehendaki oleh pekerjaan tertentu.

Menyedari hakikat bahawa pemilihan aliran pembelajaran yang tepat dan sesuai adalah penting dikalangan para pelajar tingkatan empat atau remaja adalah sangat penting kerana individu-individu di peringkat ini menghadapi berbagai-bagai konflik. Ahli-ahli psikologi dan sosiologi mengemukakan berbagai-bagai teori atau pendapat supaya dengannya kita menjadi lebih maklum tentang faktor yang mempengaruhi pemilihan minat kerjaya dalam kalangan pelajar. Inventori Minat Kerjaya Sidek atau singkatannya IMKS dibina oleh Sidek Mohd Noah dapat membantu para pelajar dalam memilih aliran pembelajaran yang sesuai dengan minat kerjaya yang akan dipilihnya kelak.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Pada zaman persaingan yang hebat dalam dunia globalisasi ini, kita tidak boleh lagi mengharapkan perkembangan sumber manusia akan berlaku secara kebetulan. Maka amatlah perlu sekali kita merancang dan merencana dengan sebaik-baiknya sumber penting ini demi merealisasikan potensi yang dimiliki oleh setiap individu pelajar. Setiap pelajar di setiap bangku persekolahan merupakan aset penting bagi sesebuah negara dan sudah pasti kita tidak mahu kerugian dalam menguruskan aset ini. Pemilihan bidang pendidikan dan kerjaya menjadi semakin rumit dan kompleks disebabkan terdapatnya berbagai-bagai kebolehan dan keinginan



manusia. Kemajuan yang semakin pesat yang dialami oleh negara telah menyebabkan bidang pengkhususan pendidikan dan pekerjaan berkembang begitu cepat dan pantas. Bidang pengajian yang ditawarkan bertambah dengan pesatnya begitu juga nama-nama pekerjaan yang wujud dalam pasaran pekerjaan. Pertambahan bidang pengkhususan ini sebahagian besarnya dijana oleh sistem ekonomi negara yang semakin maju dan kompleks.

Keputusan individu dalam memilih sesuatu aliran pengajian atau pekerjaan boleh jadi tepat dan boleh jadi berkemungkinan juga tidak tepat bergantung kepada kematangan pelajar ketika itu serta bimbingan yang diperolehi sebelum membuat keputusan. Namun, walau apapun pilihan atau keputusan yang diambil oleh pelajar, sistem pemilihan yang berkesan yang diamalkan oleh sesebuah sekolah sepatutnya dapat mengenal pasti calon pelajar yang sesuai dengan aliran yang diikutinya. Sistem pemilihan yang berkesan sepatutnya hanya menerima calon-calon yang sesuai dan menolak atau menyalurkan calon-calon yang tidak sesuai semula kepada aliran pengajian lain yang lebih lebih sesuai dengan minat dan pilihan pelajar bukan semata-mata hanya berdasarkan keputusan PMR pelajar tersebut. Sistem pemilihan yang tidak berkesan akan menerima campuran calon yang sesuai dan tidak sesuai. Keadaan ini sering menyebabkan pelajar tersalah mengikuti aliran yang sesuai dengan minat mereka dan tidak begitu berminat untuk ke sekolah. Malah keadaan menjadi lebih serius iaitu pelajar akan ponteng sekolah kerana aliran pengajian yang ditawarkan tidak menarik minat mereka untuk belajar. Aliran pembelajaran yang tidak menarik minat pelajar tidak boleh dinafikan merupakan salah satu penyumbang kepada gejala ponteng di beberapa buah sekolah dewasa ini. Oleh yang demikian pengkajian tentang keselarasan atau kesesuaian atau keserasian antara individu-persekitaran kerjaya telah bermula sejak lebih dari 2000 tahun dahulu. Perkara ini mula ditegaskan oleh Plato iaitu tokoh falsafah Yunani purba yang hidup antara tahun 428 hingga 348 Sebelum Masihi. Kenyataannya berhubung dengan „keselarasan kerjaya“ ini terkandung dalam bukunya *The Republic*. Dalam buku tersebut beliau telah membuat satu kenyataan bahawa tiada dua orang manusia yang dilahirkan serupa. Sepatutnya setiap individu adalah unik dan kerana sifat-sifat inilah menyebabkan seseorang yang lain sesuai dengan pekerjaan yang lain pula. Kenyataan asal beliau (dalam Kelly 1967:2) adalah seperti berikut :

*Pertama sekali tiada dua manusia yang dilahirkan serupa, setiap seorang berbeza antara satu sama lain dari segi pembawaan semula jadinya: seorang sesuai untuk satu pekerjaan, sementara yang seorang lagi sesuai untuk pekerjaan yang lain.*

Kenyataan diatas menunjukkan bahawa setiap individu adalah unik di samping mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing. Apabila kenyataan ini dihubungkan dengan pelajar-pelajar sekolah atau pelajar di institusi pengajian tinggi, ternyata bahawa setiap pelajar adalah unik. Ada pelajar yang sesuai dengan aliran persekolahan atau program pengajian lain. Salah memilih aliran boleh membawa kepada kes keciciran. Pencapaian akademik para pelajar juga merosot. Kerana tidak meminati pembelajaran yang diterima di sekolah. Ini membawa kepada pembaziran tenaga dan masa selama dua tahun di tingkatan 4 dan 5. Pelajar juga tiada fokus untuk belajar dan tiada matlamat kerana tidak meminati aliran pengajian yang diikuti di sekolah. Parson (dalam Crites 1981) menyatakan bahawa pemilihan kerjaya ialah satu proses membuat keputusan yang paling penting dalam kehidupan seseorang individu apabila mula memikirkan untuk memasuki dunia pekerjaan yang sebenar. Sehubungan dengan itu, Sharp dan Marva (dalam Amir Awang 1988) menegaskan bahawa pemilihan kerjaya berkait rapat dengan pemilihan aliran pembelajaran di sekolah yang sering dikemukakan oleh pelajar. Beberapa sebab utama mengapa berlakunya kesukaran dan kesilapan membuat pilihan aliran pengajian di kalangan pelajar iaitu pertamanya masalah tidak boleh membuat keputusan disebabkan seseorang itu mempunyai minat dalam pelbagai bidang; minat tidak jelas atau tidak mempunyai minat lansung terhadap apa-apa kerjaya. Yang kedua ialah ketiadaan kesempurnaan semasa membuat pilihan, iaitu pelajar tidak dapat mengagak minatnya, kebolehannya dan personalitinya dengan baik dan kerana itu pilihan aliran yang dibuat tidak setimpal dengan sifat-sifat peribadinya. Faktor ketiga yang tidak kurang pentingnya ialah kekurangan pengetahuan dan maklumat tentang pekerjaan atau kerjaya yang akhirnya menimbulkan masalah identiti.

Di Malaysia, umumnya pelajar diberikan peluang untuk memilih aliran pengajian masing-masing. Namun begitu, pemilihan aliran oleh pelajar diperingkat

sekolah terhad dan sangat minimum. Penentuan samada seseorang pelajar itu dapat mengikuti sesuatu aliran sebahagian besarnya ditentukan oleh pencapaian akademik mereka. Adakalanya, pihak sekolah, iaitu guru juga berperanan besar terutamanya pelajar yang layak ke aliran sains tulen sebagai contohnya tidak dibenarkan bertukar aliran lain walaupun kadang-kadang pelajar tersebut lebih meminati bidang lain. Ditinjau dari sudut pembangunan guna tenaga dan perkembangan sumber manusia, pelajar merupakan aset negara yang amat bernilai yang akan mempengaruhi arah pembangunan negara pada masa akan datang. Pelajar inilah yang akan berperanan untuk memenuhi permintaan guna tenaga samada dalam sektor awam mahupun dalam sektor swasta. Kepentingannya lebih dirasakan terutamanya apabila aspek ini dikaitkan dengan matlamat pencapaian Wawasan 2020 untuk menjadikan Negara Malaysia sebagai Negara industri seperti yang telah disarankan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohammad. Oleh yang demikian, pengkajian tentang aspek ini adalah sangat penting dan relevan dengan keperluan semasa. Kenyataan ini dibuat berdasarkan fakta yang menyatakan bahawa kepuasan, motivasi, kecemerlangan dan produktiviti bergantung kuat kepada keselarasan antara individu dengan persekitaran pendidikan atau kerja.

### **1.3    Penyataan Masalah**

Menurut Sidek, individu yang dikategorikan salah satu jenis personaliti itu akan memilih persekitaran yang kongruen dengan jenis personalitinya. Sebagai contoh, individu yang berpersonaliti Investigatif akan memilih persekitaran investigatif yang mana minat, kecekapan serta pekerjaan dapat dipuaskan. Dengan kata lain, jika seseorang individu itu tergolong dalam salah satu daripada jenis personaliti maka minat kerjaya yang ada padanya adalah kongruen dengan sifat-sifat yang terdapat pada jenis personaliti tersebut. Oleh yang demikian kajian ini adalah untuk menguji Teori Pemilihan Kerjaya Sidek dalam masyarakat Malaysia khususnya di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan 4, aliran sains Sekolah Menengah

Kebangsaan Dato' Usman Awang, Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti. Adakah pelajar-pelajar aliran sains ini yang telah dikategorikan dalam jenis personaliti Investigatif akan memperlihatkan minat kerjaya yang kongruen dengan sifat-sifat Investigatif itu? Pengkaji juga akan mengukur minat kerjaya pelajar-pelajar tingkatan 4 aliran sains berdasarkan pembolehubah jantina. Adakah minat kerjaya yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar aliran sains lelaki berbeza dengan yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar perempuan? Lantas itu kajian ini perlu dijalankan untuk mengenal pasti kecenderungan dan minat dalam diri pelajar terhadap sesuatu kerjaya yang kemudiannya akan mempengaruhi proses membuat keputusan tentang kerjaya.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Pengkaji mempunyai objektif yang tertentu dalam kajian ini merangkumi :

1. Menenalpasti minat kerjaya yang dominan dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah daerah Johor Bahru.
2. Menenal pasti minat kerjaya yang dominan berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah daerah Johor Bahru.
3. Menenal pasti perbezaan yang signifikan diantara minat kerjaya dengan aliran dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah daerah Johor Bahru.
4. Menenal pasti perbezaan yang signifikan diantara minat kerjaya dengan jantina dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah daerah Johor Bahru.
5. Menenal pasti hubungan minat kerjaya dengan aliran dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah daerah Johor Bahru.

## 1.5 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji membangkitkan beberapa persoalan :

1. Apakah minat kerjaya yang dominan dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah daerah Johor Bahru?
2. Apakah minat kerjaya yang dominan berdasarkan jantina dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah daerah Johor Bahru?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan diantara minat kerjaya dengan aliran dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah daerah Johor Bahru?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan diantara minat kerjaya dengan jantina dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah daerah Johor Bahru?
5. Adakah terdapat hubungan minat kerjaya dengan jantina dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah daerah Johor Bahru?

## **1.6 Hipotesis Kajian**

Kajian ini mempunyai 3 hipotesis kajian merangkumi :


Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara minat kerjaya dengan aliran dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah daerah Johor Bahru.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara minat kerjaya dengan jantina dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah daerah Johor Bahru.

Ho3: Tidak terdapat hubungan minat kerjaya dengan jantina dalam kalangan pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah menengah daerah Johor Bahru.

## 1.7 Kerangka Konsep

Berikut merupakan kerangka konsep bagi kajian yang dijalankan.



**Gambarajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian**

Kajian ini mengkaji pemboleh ubah tidak bersandar iaitu jantina dan aliran terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu personaliti atau minat kerjaya yang mempunyai 6 konstruk iaitu realistik, investigatif, artistik, sosial, enterprising dan konvensional. kerangka kajian ini menunjukkan perkaitan antara jantina dan aliran dengan minat kerjaya para pelajar.

Beberapa pengkaji di Amerika Syarikat mendapati bahawa Vocational Inventor Preference atau Inventori Minat Kerjaya Sidek (dibina oleh Sidek) telah digunakan untuk melihat minat kerjaya (vokasional) pelajar-pelajar. Ianya boleh mengelaskan sampel kajian kepada enam jenis persekitaran minat kerjaya iaitu Realistik, Intelektual, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Adalah diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi kepentingan terhadap mengenal pasti minat kerjaya murid-murid dan sejauhmanakah minat kerjaya tersebut selaras dengan aliran yang dipilih. Oleh yang demikian, diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi kepentingan kepada :

### **1.8.1 Ibu bapa**

Peranan ibu bapa adalah sangat penting dalam membentuk minat kerjaya seseorang anak melalui dorongan, galakan tanpa mengorbankan kehendak dan minat kerjaya anak-anak. Adalah diharapkan dapatan kajian ini sedikit sebanyak menyedarkan ibu bapa untuk membina dan menyuburkan minat kerjaya anak-anak mengikut pilihan dan minat mereka. Peranan memberi kasih sayang, mendorong, membimbing, mengajar dan memperbetulkan dapat diwujudkan secara menyeluruh dalam memyuburkan minat kerjaya anak-anak.

### **1.8.2 Pelajar**

Adalah diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu mengalirkan pelajar-pelajar dalam bidang yang mereka minati. Dengan kata lain pelajar-pelajar dapat maklumat tambahan mengenai diri dan minatnya. Jadi ini akan membantu mereka membuat keputusan dalam memilih aliran pembelajaran di sekolah, kursus-kursus, latihan, jenis pendidikan dan seterusnya menentukan bidang kerjaya mereka. Seperti



mana yang kita tahu pemilihan pekerjaan yang dibuat di peringkat ini akan sedikit sebanyak dapat menentukan corak kerjaya yang akan diceburinya kelak serta akan memberi keputusan kerja. Apa yang lebih penting ialah peranan yang mereka mainkan dalam masyarakat demi kepentingan pembangunan masyarakat itu samada dari segi ekonomi, pendidikan dan sebagainya.

### **1.8.3 Pihak Sekolah**

Adalah diharapkan kajian ini dapat membantu pihak sekolah untuk bertanggung jawab memastikan bahawa setiap keluaran mereka memiliki kemahiran-kemahiran yang sesuai dengan sesuatu pekerjaan. Pendidikan di sekolah boleh menjadi tempat kepada pelajar memperolehi ilmu yang bersesuaian dengan dunia kerja. Pendidikan kerjaya seharusnya mampu mengintegrasikan segala ilmu yang diperolehi melalui proses pembelajaran ke arah suasana rumah, komuniti, sekolah dan tempat kerja agar lebih mencabar dan produktif. Satu program perkembangan kerjaya bersepadu perlu disediakan,dirancang dan dilaksanakan di bawah Unit Bimbingan Kerjaya Dan Kaunseling bertujuan untuk memberikan maklumat semaksimum mungkin kepada pelajar.

### **1.8.4 Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia**

Kajian ini diharapkan dapat membuka mata tentang permasalahan pemilihan kerjaya dikalangan para pelajar.dalam konteks negara kita. Realitinya pendidikan kerjaya secara formal sebenarnya belum lagi wujud dalam sistem pendidikan di Malaysia. Perlu ada penyediaan asas pengetahuan dan maklumat lengkap pekerjaan

yang terdapat di negara ini bukan hanya di sekolah-sekolah bandar sahaja tetapi juga di luar bandar. Perkhidmatan kaunseling di sekolah haruslah diberi keutamaan supaya pelajar mampu meneroka dan menceburi bidang kerjaya yang baru memandangkan tenaga dan idea mereka sangat diperlukan dalam membentuk negara bangsa.

### **1.9 Limitasi Kajian**

Kajian dijalankan dalam kalangan pelajar-pelajar Tingkatan 4, aliran sains Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Usman Awang iaitu seramai 294 orang, Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai iaitu seramai 441 dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti iaitu seramai 557 menjadikan keseluruhan populasi adalah sebanyak 1292 orang. Namun jumlah populasi telah disampelkan menjadi 400 orang pelajar sahaja melalui kaedah pensampelan yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1979). Menjadi tumpuan dalam kajian ini adalah mengenalpasti minat kerjaya seseorang individu tersebut melalui faktor demografi dan aliran pembelajaran yang dipilih.

### **1.10 Definisi Operasi**

Dalam kajian ini, pengkaji menerangkan beberapa istilah yang perlu ditunjukkan agar menepati kajian ini :

### 1.10.1 Minat.

Mengikuti Kamus Dewan (2002), istilah minat boleh didefinisikan sebagai keinginan, kesukaan atau kecenderungan kepada sesuatu. Soe-granda (1981) pula menyatakan minat itu merupakan kesediaan jiwa yang disifatnya aktif untuk menerima sesuatu dari luar. Manakala menurut pakar psikologi Amerika, Edward K. Strong yang dipetik dari Dewan Masyarakat (2012), minat ialah perhatian, perasaan, penggunaan daya gerak, arah tumpuan, intensiti dan jumlah masa penglibatan. Perhatian tersebut ialah perhatian secara tetap (*presistent attention*). Perasaan sering dikaitkan dengan minat untuk menggambarkan seronok atau tidaknya sebagai kesan dari pengalaman suka duka seseorang.

Sementara itu, penggunaan daya gerak berkaitan dengan objek atau aktiviti. Maksudnya, objek tertumpu pada daya penggerak dan aktiviti pula tertumpu pada tindakbalas. Sebaliknya arah tumpuan adalah untuk menunjukkan haluan yang ditunjukkan oleh aktiviti terhadap sesuatu objek. Intensiti ialah menggemari sesuatu aktiviti lebih daripada aktiviti yang lainnya, sementara jumlah masa penglibatan bukanlah setakat penglibatannya dengan perlakuan berkenaan tetapi juga penglibatan kepada suka atau tidaknya kepada aktiviti tersebut. Mengikuti pendapat Rohany Nasir (1984), minat dapat dianggap sebagai kecenderungan atau tarikan terhadap sesuatu perkara atau objek. Minat wujud apabila individu sedar tentang kecenderungan terhadap objek itu. Seseorang individu itu suka kepada objek itu apabila ia bersedia untuk menunjukkan reaksi terhadapnya tetapi jika sebaliknya ia tidak suka pada objek itu.

### 1.10.2 Kerjaya

Kerjaya adalah satu siri pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang. Bagi sesetengah individu mungkin sepanjang hidupnya, tidak pernah mengalami pertukaran pekerjaan sementara ada individu-individu lain yang sering pula bertukar-tukar pekerjaan. Kerjaya sebenarnya adalah jauh melewati tempoh sebelum seseorang itu menjawat pekerjaan dan tempoh selepas ia bersara. Ini bermakna ia meliputi persediaan sebelum ia menceburi alam pekerjaan dan selepas ia bersara (Rohany Nasir, 1984). Tolbert (1994), mendefinisikan kerjaya sebagai satu rangkaian pekerjaan yang melibatkan diri seseorang individu. Sesetengah individu mungkin akan kekal dengan satu pekerjaan sahaja sepanjang hidupnya sementara individu yang lain mungkin akan bertukar-tukar pekerjaan. Ivey dan Morrill (1968) merumuskan bahawa proses kerjaya merupakan satu proses yang berterusan dengan seseorang itu melibatkan diri dalam siri tugas perkembangan yang perlu bagi perkembangan peribadi dan dunia pekerjaan.

Mengikut Gould and Kolb (1964), kerjaya merupakan suatu siri perubahan yang dibuat ke atas institusi, pertubuhan rasmi, perhubungan sosial tidak rasmi yang berkaitan dengan pekerjaan atau rangkaian pekerjaan yang mana ini akan memberikan sejarah kerja bagi orang perseorangan atau kumpulan. Kerjaya menurut Super (1957, 1972,) pula merangkumi persediaan-persediaan yang dilakukan oleh seseorang individu sebelum bekerja dan juga peranan-peranan lain yang dilakukan olehnya selepas bersara. Super (1957, 1971, 1972) juga menjelaskan bahawa kerjaya ialah satu siri keadaan yang berlaku secara berturutan dalam kehidupan seseorang yang berkaitan dengan pemilihan kerjaya, peranan yang dimainkan serta status seseorang itu sepanjang kehidupannya.

Minat dalam kerjaya merupakan garis penentuan untuk membuat penilaian. Ini dapat ditinjau dari segi pemilihan atau penglibatan, kejayaan, kepuasan dan ketetapan. Pemilihan atau penglibatan merupakan ciri utama bagi individu bila berdepan dengan sesuatu pekerjaan. Sehubungan dengan ini, minat kerjaya boleh

dikatakan sebagai satu kecenderungan terhadap satu-satu kerjaya dan juga bermaksud segala minat kepada aktiviti, hubungan-hubungan dan tugas-tugas yang berhubung dengan pekerjaan. Daripada beberapa definisi yang telah dikemukakan di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kerjaya merupakan persediaan-persediaan sebelum seseorang itu menceburkan dirinya dalam dunia pekerjaan sebenar dan juga peranan-peranan lain yang dilakukannya selepas bersara. Kerjaya juga merangkumi pemilihan sesuatu pekerjaan, melaksanakan tugas yang diamanahkan dan menjalankan aktiviti-aktiviti selepas bersara bertujuan memenuhi keperluan fizikal, mental, rohani dan psikologi individu.

### **1.10.3 Pelajar-Pelajar**

Pelajar-pelajar sekolah menengah tingkatan 4 yang dijadikan subjek dalam kajian ini merujuk kepada kumpulan remaja yang berumur dalam lingkungan 16 tahun. Peringkat remaja adalah merujuk kepada satu zaman peralihan dari peringkat zaman kanak-kanak ke peringkat dewasa yang berada dalam lingkungan umur 15-20 tahun. Remaja telah mula menunjukkan personaliti yang mereka perlu dilayani seperti orang dewasa dan tidak mahu diperbudak-budakkan. Ini kerana mereka mulai memperlihatkan kematangan dari segi rohani, jasmani, intelek dan sosial (Mohd Salleh, 1995). Oleh itu mereka sudah memperlihatkan minat terhadap sesuatu pekerjaan dengan lebih jelas dan ciri-ciri personaliti mereka semakin hampir dengan minat dan bakat untuk sesuatu jenis kerjaya.

Merujuk kepada definisi Havinghurst (1981) jangka waktu 12-18 tahun merupakan zaman pertumbuhan fizikal dan emosi. Minat kerjaya mulai terbentuk ketika ini dan remaja mulai mencari identiti diri. Tugas perkembangan zaman remaja menurut Havinghurst ialah membentuk kemahiran sosial, menerima bentuk kebebasanmental-emosi, bersedia mendapatkan pekerjaan dan membina nilai

sistem etika. Tegasnya lagi, minat terhadap kerjaya merupakan perkara utama yang diterokai, khususnya ketika dalam lingkungan umur 15 ke 20 tahun.

#### **1.10.4 Sekolah Menengah**

Sekolah yang dirujuk dalam kajian ini ialah sekolah menengah secara amnya dan tiga buah Sekolah Menengah dalam daeran Johor Bahru. Sekolah menengah sistem pendidikan di Malaysia terbahagi kepada dua, iaitu Sekolah Menengah Rendah dan Sekolah Menengha Atas. Kurikulum pendidikan di peringkat menengah rendah sekarang iailah bertujuan untuk memberikan pendidikan umum di samping menyediakan peluang kepada murid-murid mempelajari satu mata pelajaran elektif yang bercorak pravokasional, berasaskan pilihan mereka sendiri. Pelajar-pelajar di peringkat ini akan menduduki peperiksaan penilaian Menengah Rendah bagi maksud pensijilan dan pemilihan ke peringkat menengah atas.

Di sekolah menengah atas pelajar-pelajar disalurkan samada ke jurusan akademik, teknik atau vokasional. Dalam jurusan akademik pelajar-pelajar boleh mengikuti jurusan sains tulen,sains sosial, pertanian, ekonomi, perdagangan, sastera dan teknik (Jawatankuasa Kabinet, 1982)

Havinghurst (1981) menjelaskan bahawa di peringkat sekolah menengah kurikulum terarah kepada : pertama membantu pelajar memilih pekerjaan yang selaras dengan keupayaan dan minatnya : dan kedua, membantu pelajar memilih kerjaya yang sesuai dengan nilai dan norma masyarakatnya.

## **1.11 Kesimpulan**

Kesimpulanya, bab ini membicarakan pengenalan secara terperinci. Bab ini menerangkan secara menyeluruh mengapa kajian ini perlu dijalankan. Bab ini juga menyenaraikan objektif kajian, beberapa hipotesis, persoalan dan objektif kajian serta kepentingan, limitasi dan definisi istilah kajian. Kepentingan kajian ini dipecahkan kepada beberapa bahagian merangkumi kepentingan terhadap ibubapa, pelajar, pihak sekolah dan pihak Kementerian Pelajaran khususnya. Di dalam bab ini juga, pengkaji telah mendefinisikan beberapa istilah penting satu persatu. Ia bertujuan agar pembaca dapat memahami istilah yang dimaksudkan oleh pengkaji.

## RUJUKAN

- Amir Awang, Remaja dan Dunia Pekerjaan, Dewan Masyarakat, 21(12), 1983, hlm, 4-7.
- Amir Awang. Pengantar Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia, Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1984.
- Amla H.M Salleh. An Investigation of the reliability, validity and translation of Holland's Self-directed Search for Utilization by A Malaysian Population, Thesis for Ed.d. Western Michigan University Kamalzo, Michigan, 1984. (Tidak diterbitkan)
- Andrew, H.A. Personality Pattern dan Vocational Cjoice : A test of Holland's Theory With Adult Part Time Community Collage Students. Journal of Counseling Physcology, 20(5).1973, hlm, 482-483.
- Ang Hwi Lin. Hubungan di antara Minat Kerjaya dan Personaliti dari segi bangsa dan jantina berdasarkan Teori Holland, Tesis Sarjana muda Sastera (Kepujian), Jabatan Psikologi, U.K.M. 1981. (Tidak Diterbitkan).
- Crow, L.D. Physcology of Human Adjustment. New York : Alfred A. Knopt, 1967.
- Edwards, K.J.E dan Whitney, D.R. Structural analysis of holland's Personality types using factor and configural analysis. Journal of Counseling Pshycology, 19(2), 1972,hlm. 136-145.



Hamzah Salas. Penempatan, pemilihan dan pengaliran murid-murid sekolah : kebaikan dan keburukannya, Seminar Pendidikan Kebangsaan, 1979.

Holland, J.L. making Vocational Choices : a theory of carrers, Englewood Cliffs, New Jerser : Prentice-Hall, 1973.

Jones, O.M. A Study of State Occupational Choice, Vocational Maturity and Self Concept as Manifested ba Adolescents in six Personality Categories.A Dissertation International, 34, 1973,hlm. 3064-3065.

Julius Gould dan William L. Kolb.A Dictionary of Social Science, Taristock Publications, 1964.

Kementerian Pelajaran Malaysia.Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran, Kuala Lumpur : Jabatan Percetakan Negara, 1979.

Lasimon b. Matokrem.Hubungan antara Personaliti dan Pemilihan Kerjaya dari segi kaum, lokasi tempat tinggal dan taraf pendidikan berdasarkan Teori Holland. Satu kajian kes di Pusat Insafdiri Tampoi, Johor, Projek Penyelidikan Diploma Psikologi Kaunseling , Jabatan Psikologi, U.K.M 1986. (Tidak diterbitkan)

Mohd.Amin b. Jani.Hubungan antara Jenis Personaliti dengan Pemilihan Kerjaya di kalangan pelajar sekolah menengah, Projek Penyelidikan Diploma psikologi (Kaunseling), Jabatan Psikologi, U.K.M. 1987. (tidak diterbitkan)

Monroe A.B dan Thomas S.K Investigative Versus Realistic Holland Types and Adjusment in Theoretical Engineering Majors.Journal of Vocational Behaviour, 18, 1982, hlm. 162-173.

- Nawi Jusoh. Peranan Minat Dalam Masyarakat, Dewan Masyarakat, 14(11), 976, hlm.45-46.
- Patrick utz dan Bruce Hartman. An Analysis of the discriminatory Power of Holland's Types for Businees Majors in three Concentration Areas, Measurement and Evaluation in Guidance, 11, 1978, hlm. 175-183.
- Raymond, H.J. Holland's Vocational Preference and Personality Correlates : a cross-cultural study. Dissertation Abstracts International, 39, 1978, hlm. 254-255.
- Robert M.T dan Thomas V.M Effects of Matching Treatment Approches and Personality types in Group.Vocational Counseling.Journal of Counseling Psychology, 28, 1981, hlm. 315-320.
- Rohany Nasir. Minat dan Proses Perkembangan kerjaya : Implikasi Terhadap Perkembangan Kerjaya, Seminar Psikologi dan Masyarakat Ke-2, U.K.M. 1981.
- Schutz, R.A. dan Blocker, D.H. Self-Concept and Stereotypes of Vocational Preferences.Vocational Guidance Quarterly, 8, 1959-61, hlm. 241-245.
- Soegarda Poerbakawat Harahap, Ensiklopedia Pendidikan, Jakarta : Pt gunung Agung. 1981.
- Tengku Iskandar. Kamus Dewan, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.
- Wall, H.W. , Osipow, S.H dan Ashby, J.D. SVIB Scores, Occupational Choices and Holland Personality types. Vocational Guidance Quarterly, 15, 1967, hlm.201-205.

- Shertzer, B & Stone, S.C. 1992. Asas-asas Bimbingan (Terj. Amla & Puteh). DBP Kuala Lumpur
- Sidek Mohd. Noah. 2001. Perkembangan Kerjaya. Teori dan Praktis. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Parsons, F. dan Crites, J.O. (1969). Vocational Psychology. The study of vocational behavioral and development. London: McGraw Hill Book.
- Amir Awang (1983). "Memilih Pekerjaan." Dewan Masyarakat.21 (12). 4 – 7. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tolbert, E.L. 1974. Counseling for Career Development. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Holland, J.L. (1985 ). "Making Vocational Choices : A Theory Of Vocational Personality And Work Environment." Englewood Cliffs, NJ.: Prentice Hall.
- Holland, J.L. (1985a). "Making Vocational Choice." Englewood Cliffs, NJ : Prentice – Hall.
- Holland, J.L. (1985b). "Manual For The Vocational Preference Inventory." Odessa, Florida : Psychological Assessment Resources.
- Rohany Nasir (2000). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Memilih Kerjaya Perguruan: Satu Tinjauan Awal. UTM: Tesis Sarjana Muda.
- Khor Kar H.H.(1992). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Enam. Kajian Ilmiah Diploma Kaunseling yang tidak diterbitkan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Evan, H. (1991). *Conducting Educational Research*. New York: Harcourt Brace Jovanovich Inc

Wilkinson C.W. (1991). An Enquiry As To The Choice of The Teaching Profession By University Students. *British Journal Of Education Psychology*, 4, 237-259.

Olive, H. 1971. Sex differences in Adolescent Vocational Preference. *The Vocational Guidance Quarterly*, 2.

Strong, E.K., Jr. 2012. *Vocational Interest of Men and Women*. Palo Alto: Stanford University Press.

Munson, B. (2006). Nonword repetition and levels of abstraction in phonological knowledge. *Applied Psycholinguistics*, 27, 577-581.